

**SKALA FI MINIMUM
PERKHIDMATAN GEOLOGI
2023**



Lembaga Ahli Geologi Malaysia

Skala Fi Minimum Perkhidmatan Geologi 2023 telah diluluskan oleh LAGM pada 21 September 2023




Lembaga Ahli Geologi Malaysia

Skala Fi Minimum Perkhidmatan Geologi 2023

Tarikh Kelulusan Menteri: 14 November 2023

No. Rujukan Surat: KETSA(S)604-3/1/9 Jld.3 (49)



SUSUNAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Petikan dan Permulaan
2. Tafsiran
3. Bayaran Fi
4. Kos Perkhidmatan
5. Takat Perkhidmatan
6. Faktor Pengganda
7. Input Masa
8. Cadangan Jadual Bayaran Kemajuan Projek/Kajian

BAHAGIAN II

PERKHIDMATAN GEOLOGI

9. Jenis Perkhidmatan
10. Perkhidmatan Professional Asas
11. Perkhidmatan Suplemen
12. Perkhidmatan Tambahan
13. Pelantikan Perunding Pakar untuk Bekerjasama dengan Firma yang Menyediakan Perkhidmatan Geologi

BAHAGIAN III

SKALA FI MINIMUM

14. Perkhidmatan Asas untuk Pemetaan:
15. Kategori Kerumitan Bentuk Muka Bumi dan Keadaan Tanah
16. Persediaan Kerja
17. Mobilisasi dan Demobilisasi
18. Pemetaan Geologi di Kawasan Keselamatan
19. Pemetaan Geologi di Kawasan Sukar Dimasuki
20. Bayaran Balik
21. Faktor Kadar Kerja

22. Skala Fi Pemetaan Geologi Kejuruteraan
23. Pemprosesan, Penukaran dan Penterjemahan Data Digital bersama-sama Jaminan Kualiti
24. Membekal Peta, Pelan dan Dokumen
25. Penyerahan Laporan
26. Penangguhan Pembayaran

BAHAGIAN IV

BAYARAN-BAYARAN LAIN

27. Imbuhan Balik
28. Pembayaran Selepas Penamatan atau Penggantungan oleh Klien

LAMPIRAN

Lampiran I - Syarat Pelantikan Ahli Geologi/ Firma Geologi Yang Menyediakan Perkhidmatan Geologi

Lampiran II - Contoh Memorandum Perjanjian (MoA)

Lampiran III – Contoh Surat Siap Kerja (LPC)

Lampiran IV – Contoh Surat Pelepasan (LoR)

Lampiran V – Contoh Pengesahan Laporan Oleh Ahli Geologi Professional Berdaftar

SKALA FI MINIMUM PERKHIDMATAN GEOLOGI 2023

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4 (1)(b) Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689], Lembaga Ahli Geologi, menetapkan skala fi minimum berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Petikan dan Permulaan

Skala ini bolehlah dinamakan - **Skala Fi Minimum Perkhidmatan Geologi** dan mula berkuatkuasa pada 14 November 2023.

2. Tafsiran

Dalam Skala Fi Minimum ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Ahli Geologi” ertinya ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar dan pengamal berdaftar seperti yang dinyatakan di bawah subseksyen 4 (1)(b) Akta Ahli Geologi 2008.

“perkhidmatan geologi” ertinya pemberian nasihat dan perkhidmatan geologi berkenaan dengan semua atau mana-mana yang berikut;

- a) Kajian kebolehlaksanaan.
- b) Perancangan.
- c) Survei geologi.
- d) Pelaksanaan, pentauliahan, pengendalian, penyenggaraan dan pengurusan kerja-kerja atau projek survei geologi dan,
- e) Apa-apa perkhidmatan lain yang diluluskan oleh Lembaga.

“Cukai” bermaksud inouis input cukai yang dikenakan oleh Kastam ke atas perkhidmatan yang diberikan kepada jumlah fi profesional;

“faktor pengganda” ertinya faktor yang diperoleh daripada elemen-elemen yang meliputi gaji tahunan; ganjaran; faedah termasuk bonus, sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, simpanan kakitangan dan dana pencen, langganan kepada institusi profesional, pembayaran kepada lembaga pendaftaran, cuti, bantuan perubatan dan insurans, persidangan

dan bengkel; perbelanjaan perbelanjaan sewa pejabat pentadbiran, telefon, teleks, faksimili, kurier dan caj pos, alat tulis, langganan kepada jurnal, latihan dan biasiswa, kos pengangkutan, yuran guaman, yuran audit dan caj bank, dan keuntungan;

"fi kasar" ertinya kuantum fi profesional tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau cukai lain yang dikenakan;

"fi pelantikan" ertinya jumlah wang yang tidak dikembalikan yang perlu dibayar kepada Ahli Geologi (termasuk firma geologi) yang menjalankan amalan sebagai Ahli Geologi berdaftar dengan serta-merta atas pelantikan rasminya untuk melaksanakan projek tersebut. Ia dianggap sebagai fi mobilisasi yang merupakan sebahagian daripada jumlah fi yang perlu dibayar kepada Ahli Geologi untuk perkhidmatan profesional yang diberikan;

"gaji" ertinya gaji pokok yang dibayar oleh firma yang menjalankan amalan sebagai Ahli Geologi kepada pengarah, rakan kongsi, pemilik tunggal, Ahli Geologi berdaftar, kakitangan tapak, kakitangan pentadbiran atau kakitangan teknikal firma pakar runding Geologi, termasuk sebarang sumbangan berkanun, tetapi tidak termasuk sebarang bonus, elaun atau faedah sampingan;

"input masa" ertinya tempoh/jangka masa yang diperlukan bagi menyempurnakan sesuatu projek atau kajian; mengikut kesesuaian dari segi tempoh menyempurnakan projek/kajian.

"kos masa" ertinya gaji tahunan mana-mana orang yang diambil bekerja oleh firma yang menyediakan perkhidmatan sebagai Ahli Geologi dibahagikan dengan 1,800 (disifatkan sebagai purata jumlah tahunan waktu bekerja efektif seseorang pekerja) dan didarabkan dengan bilangan jam bekerja yang digunakan oleh orang itu dalam melaksanakan mana-mana perkhidmatan yang berkenaan berkaitan dengan bayaran yang akan dibuat kepada perkhidmatan yg disediakan ahli geologi berdaftar secara persendirian ataupun mewakili firma yang menyediakan perkhidmatan sebagai Ahli Geologi berdasarkan masa, dan gaji tahunan seseorang untuk tempoh kurang daripada setahun hendaklah dikira pro-rata kepada gaji orang berkenaan untuk tempoh yang lebih pendek itu.

"kos kerja" ertinya kos kepada Ahli Geologi atau firma geologi yang ditanggung termasuk –

- a) apa-apa bayaran (sebelum potongan apa-apa ganti rugi atau penalti kerugian dan ditentukan yang perlu dibayar oleh kontraktor kepada klien) yang dibuat oleh klien kepada kontraktor melalui bonus, insentif atau ex-gratia pembayaran, atau dalam penyelesaian tuntutan;
- b) penilaian yang adil bagi mana-mana kerja, barangan, jentera atau kemudahan lain yang disediakan oleh klien;

"Lembaga" ertinya Lembaga Ahli Geologi yang ditubuhkan di bawah Subseksyen 3(1) Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689];

"memorandum perjanjian" ertinya memorandum perjanjian yang dimeterai antara klien dan Ahli Geologi atau firma geologi yang menjalankan amalan sebagai Ahli Geologi atau firma geologi berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan geologi untuk kerja-kerja;

"klien" seseorang yang mendapatkan perkhidmatan atau nasihat profesional dari pihak yang lain;

"pemajuan" ertinya menjalankan apa-apa perkhidmatan pemetaan, geologi kejuruteraan, geoteknik, perlombongan/perkuarian, eksplorasi, eksploitasi atau apa-apa perkhidmatan lain yang seumpamanya pada, di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah/sungai/ tasik/laut;

"bidang Geologi" seperti terkandung dalam Jadual Kedua Akta Ahli Geologi 2008 [Akta 689];

"firma" ertinya pemilik tunggal, perkongsian atau syarikat yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] atau Akta Syarikat 2006 [Akta 777] yang telah dikeluarkan kepadanya kelulusan untuk menyediakan perkhidmatan geologi dan berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi Malaysia;

"projek" bermaksud projek di mana kerja-kerja perkhidmatan geologi merupakan sebahagian darinya;

3. Bayaran Fi

Mana-mana Ahli Geologi atau firma geologi yang menyediakan perkhidmatan geologi yang dilantik oleh klien untuk melaksanakan mana-mana perkhidmatan geologi yang dinyatakan dalam Bahagian II **tidak boleh mengenakan bayaran kurang daripada skala fi minimum** yang dinyatakan dalam Bahagian III disamping pembayaran lain dalam Bahagian IV, dengan syarat bahawa fi yang lebih tinggi, berasaskan kepakaran khas, pengalaman atau kedudukan, boleh dikenakan dengan persetujuan terlebih dahulu daripada klien.

4. Kos Perkhidmatan

Kos perkhidmatan hendaklah ditentukan seperti berikut:

- i. untuk perkhidmatan yang telah siap, jumlah kontrak asal seperti yang dipersetujui; dan
- ii. untuk sebarang perubahan kepada kontrak asal, kos akhir perkhidmatan meliputi variasi yang diterima oleh klien.

5. Takat Perkhidmatan

Skala fi adalah berdasarkan perkhidmatan yang ditakrifkan dalam perjanjian/kontrak. Bayaran Fi tidak termasuk elaun untuk sebarang perkhidmatan tambahan yang mungkin timbul semasa kontrak yang mana bayaran tambahan boleh dikenakan.

6. Faktor Pengganda

Faktor pengganda untuk orang berkenaan adalah seperti berikut:

- i. 3.0 untuk pengarah, rakan kongsi atau pemilik tunggal;
- ii. 2.7 untuk pekerja profesional;
- iii. 2.2 untuk sub-profesional; dan
- iv. 2.0 untuk kakitangan pentadbiran atau teknikal.

7. Input Masa

Jadual 7-1 : Kiraan input masa

Input Masa	Tempoh menyempurnakan projek kajian
Man -month	1 bulan dan ke atas (26 hari dan ke atas)
Man - day	Kurang daripada 1 bulan (25 hari dan ke bawah)
Man - hour	Kurang daripada 1 hari (8 jam dan ke bawah)

Formula Pengiraan input masa adalah seperti berikut;

$$YP = GP \times FP \times IM$$

Petunjuk bagi formula di atas adalah seperti berikut

YP Yuran Perkhidmatan

GP Gaji Pokok

FP Faktor Penganda

IM Tempoh Input Masa

GP ialah gaji asas yang dibayar kepada kakitangan dan hendaklah tidak termasuk apa-apa elaun serta lain-lain bayaran.

Sila rujuk Lampiran 2, Lampiran 3 dan Lampiran 4 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK3.2) untuk Skala Gaji Pokok Maksima.

8. Cadangan Jadual Bayaran Kemajuan Projek/Kajian

Jadual 8-1 : Bayaran kemajuan

Peringkat Kemajuan Projek/Kajian	Peratus Pembayaran	
	Melibatkan kerja lapangan	Tiada kerja lapangan
Mobilisasi ke tapak projek/kajian bermula	40%	40%
Kerja lapangan projek /kajian interim selesai	20%	
Draf laporan akhir projek/kajian di hantar	20%	40%
Laporan akhir diterima	20%	20%
	100%	100%

BAHAGIAN II

PERKHIDMATAN GEOLOGI

9. Jenis Perkhidmatan

Perkhidmatan geologi bermaksud penyediaan perkhidmatan yang berkaitan dengan geologi dan mana-mana peringkat yang berikut:

- i. Perkhidmatan profesional asas;
- ii. Perkhidmatan suplemen; atau
- iii. Perkhidmatan tambahan.

Kadar bayaran sesuatu projek boleh ditentukan mengikut kadar tetap/sekaligus (*lump sum*), harian/mingguan/bulanan atau atau anggaran sumber dan masa.

10. Perkhidmatan Professional Asas

Perkhidmatan professional asas yang boleh disediakan oleh Ahli Geologi atau firma geologi bagi penyediaan pemajuan hendaklah bagi mana-mana yang berikut.

- a) Menjalankan kajian awalan /Kebolehlaksanaan.
- b) Pemetaan/survei geologi.
- c) Penyiasatan geologi kejuruteraan.
- d) Penyiasatan/survei geofizik.
- e) Penyiasatan/survei sumber air.
- f) Pencarian /penjelajahan mineral, perlombongan dan kuari.
- g) Geologi marin.
- h) Lain lain kajian asas yang diperlukan berkaitan geologi.

11. Perkhidmatan Suplemen

Perkhidmatan suplemen yang tidak termasuk dalam perkhidmatan professional asas tetapi yang mungkin disediakan oleh oleh Ahli Geologi atau firma geologi untuk melengkapkan Perkhidmatan professional Asas adalah mana-mana satu atau semua yang berikut:

- i. Penilaian awal tapak; lawatan, menyiasat dan menasihati klien mengenai pemilihan dan kesesuaian kajian geologi yang diperlukan.

- ii. Penyiataan implikasi kewangan dan ekonomi yang berkaitan dengan cadangan atau kebolehlaksanaan projek/kajian.
- iii. Rundingan dengan pihak berkuasa yang mempunyai hak atau kuasa sekatan serta perundingan dengan kumpulan awam dan pihak berkepentingan, serta menasihati klien mengenai keperluan pengawalseliaan dan keperluan berkanun.
- iv. Menyediakan kajian tambahan (dengan kelulusan klien) untuk melengkapkan laporan. Ini termasuk mencari, mendapatkan, menyiakat dan mengumpul data yang ada, berkaitan dengan projek/kajian.

12. Perkhidmatan Tambahan

Perkhidmatan tambahan yang boleh disediakan oleh Ahli Geologi atau firma geologi di bawah pelantikan yang berasingan dalam mana-mana atau semua yang berikut:

- (a) Perkhidmatan sistem maklumat geografi (*GIS*).
- (b) Perkhidmatan kajian warisan geologi dan pemuliharaan dan penilaian impak.
- (c) Perkhidmatan pembangunan dasar dan garis panduan.
- (d) Perkhidmatan advokasi dan khidmat nasihat geologi.
- (e) Perkhidmatan perundingan pengurusan projek.
- (f) Perkhidmatan penglibatan pemegang taruh.
- (g) Perkhidmatan tinjauan dan penyiataan.
- (h) Perkhidmatan penilaian impak geobencana.
- (i) Perkhidmatan perancangan geopelancongan.
- (j) Lain-lain perkhidmatan.

12(a) Perkhidmatan Sistem Maklumat Geografi (GIS)

Ahli Geologi atau firma geologi boleh dilantik untuk menyediakan perkhidmatan sistem maklumat geografi (*GIS*). Ini melibatkan perkhidmatan kepakaran berkaitan untuk mengadakan dan menyenggara data dan/atau peta yang boleh digabungkan dengan data yang dirujuk secara geografi. Data termasuk dan tidak terhad kepada, geobencana struktur bumi, jenis batuan, mineral dan risiko:

- i. Menyediakan peta, profil dan graf, menggunakan perisian GIS dan peralatan yang berkaitan.

- ii. Menentukan keperluan data pengguna, keperluan projek, hasil pengeluaran yang diperlukan, atau keperluan untuk membangunkan aplikasi.
- iii. Menjalankan penyelidikan untuk mengenalpasti dan mendapatkan pangkalan data sedia ada.
- iv. Menyusun data geologi dari pelbagai sumber termasuk persampelan, pemerhatian lapangan, imejan satelit, gambar udara, dan peta sedia ada.
- v. Mengumpul, menganalisis dan mengintegrasikan data spatial dan menentukan sejauh mana maklumat tersebut boleh dipaparkan menggunakan GIS.
- vi. Menganalisis data spatial geologi untuk dimasukkan ke dalam dokumen dan laporan.
- vii. Merekabentuk dan mengemaskini pangkalan data, mengaplikasikan perwakilan pengetahuan tambahan.
- viii. Memasukkan data peta baru melalui penggunaan pendigit atau secara input langsung maklumat koordinat menggunakan prinsip kartografi termasuk sistem koordinat, longitud, latitud, ketinggian, topografi, dan skala peta.
- ix. Menganalisis hubungan geologi di antara jenis data yang pelbagai.
- x. Menyediakan metadata dan dokumentasi lain yang berkaitan.

12(b) Perkhidmatan Kajian Warisan Geologi dan Pemuliharaan dan Penilaian Impak

Ahli Geologi atau firma geologi boleh dilantik untuk menyediakan perkhidmatan kajian warisan dan pemuliharaan. Ini melibatkan tinjauan dan penyiasatan kawasan Warisan Geologi, menganalisis dan menilai kepentingan warisannya, mengenal pasti langkah-langkah untuk memelihara/memulihara Warisan Geologi dan menjalankan penilaian impak warisan terhadap sebarang pembangunan atau projek yang dicadangkan di kawasan warisan atau pemuliharaan yang dikenal pasti.

12(c) Perkhidmatan Pembangunan Dasar dan Garis Panduan

Ahli Geologi atau firma geologi boleh dilantik untuk menjalankan perkhidmatan pembangunan dasar dan garis panduan. Ini melibatkan penyelidikan dan pembangunan mengenai perkara-perkara yang berkaitan, mengenal pasti prinsip dan kriteria panduan dan melibatkan pemegang taruh dalam proses membangunkan garis panduan dan dasar.

12(d) Perkhidmatan Advokasi dan Khidmat Nasihat Geologi

Ahli Geologi atau firma geologi boleh dilantik oleh orang awam, organisasi swasta, individu untuk menyediakan perkhidmatan advokasi dan khidmat nasihat geologi bagi perkara-perkara berkaitan di bawah Akta Ahli Geologi, 2008 [Akta 689], Akta Pembangunan Mineral, 1994 [Akta

525], Akta Penyiataan Kajibumi, 1974 [Akta 129], atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan input geologi di Malaysia.

Adalah dijangkakan sekiranya perkhidmatan tersebut akan disediakan, Ahli Geologi atau firma geologi akan membentangkan kes bagi pihak klien secara profesional yang merangkumi perkhidmatan seperti berikut:

- i. Khidmat nasihat profesional dan kehadiran dalam mesyuarat apabila diperlukan;
- ii. Penyediaan dan penyerahan bantahan terhadap cadangan perancangan atau pemajuan;
- iii. Penyediaan bahan-bahan yang berkaitan dengan isu-isu geologi sebagai respon kepada rayuan atau untuk dibentangkan kepada Mahkamah atau Lembaga Rayuan;
- iv. Penyediaan bahan boleh melibatkan lawatan tapak, menentukan kedudukan klien, pihak berkuasa, atau pihak lain dan menentukan lain-lain hal keadaan kes;
- v. Penemuan ini boleh dibentangkan dalam pernyataan bertulis kepada klien atau wakil mereka. Penyerahan bertulis boleh menjadi laporan kepada klien dan wakil mereka atau sebagai affidavit untuk dikemukakan kepada Mahkamah atau Lembaga Rayuan;
- vi. Kehadiran di Mahkamah atau Lembaga Rayuan atau mana-mana jawatankuasa semakan yang diberi kuasa sebagai saksi pakar mengenai perkara-perkara berkaitan geologi;
- vii. Bertindak sebagai saksi pakar dalam mana-mana penimbang tara, atau juru taksir, pengantara dalam penyelesaian konflik yang berkaitan dengan apa-apa perkara berkaitan geologi antara pihak; dan
- viii. Perkara-perkara lain yang berkaitan.

12(e) Perkhidmatan Pengurusan Projek

Perkhidmatan pengurusan projek yang boleh disediakan oleh Ahli Geologi atau firma geologi merangkumi mana-mana atau semua yang berikut:

- i. Menyediakan ringkasan projek.
- ii. Menyediakan jadual projek dan program bagi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan semua aktiviti berkaitan.
- iii. Menyediakan perkhidmatan pengurusan projek secara menyeluruh dari awal hingga projek siap.
- iv. Menyelaras kerja-kerja semua ahli pasukan projek.
- v. Menyediakan laporan projek.
- vi. Menjalankan pemeriksaan berterusan ke atas kemajuan kerja.

12(f) Perkhidmatan Penglibatan Pemegang Taruh

Ahli Geologi atau firma geologi boleh dilantik untuk menyediakan perkhidmatan penglibatan pemegang taruh yang melibatkan pelbagai proses berkomunikasi dengan pemegang taruh dalam penyediaan sebarang maklumat yang diperlukan. Ini menggalakkan proses membuat keputusan yang lebih inklusif dan bermaklumat kerana proses penglibatan akan membantu mengenal pasti isu-isu dan membangunkan persefahaman dan persetujuan konsensus kepada penyelesaian.

12(g) Perkhidmatan Tinjauan dan Penyiasatan

Ahli Geologi atau firma geologi boleh dilantik untuk menyediakan perkhidmatan tinjauan dan penyiasatan yang merangkumi mana-mana atau semua yang berikut:

- i. Menjalankan tinjauan geologi kawasan dan penyediaan rancangan perkhidmatan eksplorasi/eksploitasi.
- ii. Menjalankan tinjauan warisan geologi sedia ada selain daripada kontrak perkhidmatan kajian penilaian impak warisan.
- iii. Menjalankan tinjauan geoekonomi selain daripada kontrak untuk perkhidmatan perancangan pembangunan sumber; dan
- iv. Menjalankan sebarang tinjauan dan penyiasatan yang berkaitan dengan geobencana dan penyelesaian.

12(h) Perkhidmatan Penilaian Impak Geobencana

Ahli Geologi atau firma geologi yang menyediakan perkhidmatan geologi boleh dilantik untuk menyediakan perkhidmatan penilaian geobencana. Ini melibatkan proses menentukan impak dan kesan geobencana serta proses mengenal pasti langkah-langkah mitigasi untuk menambah baik impak negatif atau kesan.

12(i) Perkhidmatan Perancangan GeoPelancongan

Ahli Geologi atau firma geologi boleh dilantik untuk menyediakan perkhidmatan perancangan geopelancongan. Ini melibatkan penggubalan rangka perkhidmatan perancangan dan pembangunan untuk geopelancongan yang merangkumi penggubalan dasar dan strategi, perancangan induk untuk kawasan tindakan geopelancongan dan kluster pembangunan produk geopelancongan, institusi, rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan, rangka kerja pemasaran dan promosi, infrastruktur geopelancongan, analisis dan kajian semula impak geopelancongan dan mengenalpasti peluang pelaburan geopelancongan, modal insan yang berkaitan dengan pembangunan geopelancongan, dan impak geopelancongan terhadap sosio-budaya dan alam sekitar.

12(j) Lain-lain Perkhidmatan

Menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan input geologi lain.

13. Pelantikan Perunding Pakar untuk Bekerjasama dengan Firma yang Menyediakan Perkhidmatan Geologi

Dalam hal perunding pakar dilantik secara langsung oleh klien atau oleh Ahli Geologi /firma geologi di bawah bahagian ini, perkhidmatan tersebut yang sepatutnya disediakan oleh Ahli Geologi /firma geologi sahaja hendaklah disediakan oleh pakar perunding dengan kerjasama Ahli Geologi /firma geologi yang menyediakan perkhidmatan geologi selaras dengan terma-terma pelantikan.

BAHAGIAN III

SKALA FI MINIMUM

Bahagian ini menyediakan cara pengiraan di mana fi akan dibayar kepada Ahli Geologi atau firma geologi semasa dan selepas selesai tugas.

14. Perkhidmatan Asas untuk Pemetaan:

Menetapkan jenis perkhidmatan dan kadar perkhidmatan yang berkenaan dalam semua jenis perkhidmatan pemetaan. Ianya akan dimasukkan apabila perlu, bahagian tertentu jenis perkhidmatan yang berkaitan untuk sebarang aktiviti pemetaan.

Ahli Geologi atau firma geologi menyediakan Perkhidmatan Asas untuk penyediaan pemetaan hendaklah dibayar berdasarkan:

- i. Bayaran untuk perkhidmatan pemetaan geologi hendaklah diklasifikasikan mengikut kadar perkhidmatan bagi setiap kategori rupa bumi dan kerumitan keadaan tanah dan kebolehcapaian seperti kawasan rata dan beralun, rupa bumi sederhana, rupa bumi yang sukar dan rupa bumi yang melampau.
- ii. Untuk tujuan Jadual ini "pasukan kerja" bermaksud perkhidmatan yang dilakukan dalam sehari atau sebahagian daripadanya oleh pasukan geologi. Pasukan kerja ditakrifkan sebagai pasukan Ahli Geologi Profesional 1x dan pembantu lapangan 2x (sama ada Ahli Geologi Siswazah atau Pembantu Geologi).
- iii. Bayaran perkhidmatan bagi latihan, nasihat, penyeliaan berkaitan perkhidmatan geologi tanpa perkhidmatan pemetaan fizikal yang meluas hendaklah berdasarkan input masa mengikut Manual Perolehan Kementerian Kewangan.
- iv. Untuk tujuan kejuruteraan, perkhidmatan pemetaan geologi boleh dibahagikan kepada peringkat berikut:

Jadual 14-1 : Peringkat perkhidmatan dan jenis laporan yang diperlukan

Peringkat Perkhidmatan	Jenis Laporan	Penerangan Laporan
Semasa Perancangan (termasuk kebolehlaksanaan, LCP dan KM)	Laporan Penilaian Awal Geologi	<ul style="list-style-type: none"> • Pemetaan geologi rupa bumi. • Pemetaan geomorfologi. • Interpretasi imej dan pengenalanpastian bahaya geologi.

Semasa Reka Bentuk (Pra-Pembinaan) dan semasa Kerja Pembinaan	Laporan Penilaian Geologi Terperinci	<ul style="list-style-type: none"> • Pelepasan mineral. • Taksiran dan analisa subpermukaan. • Model geologi dan tanah. • Pemetaan geologi kejuruteraan dan analisis bahan geologi. • Analisa bahaya geologi termasuk seismik, dll. • Pemetaan pengorekan.
Kerja Pasca Pembinaan & Kerja Penyelenggaraan	Laporan dan Peta Geologi yang dibina Dan Pemeriksaan Geologi Berkala/Rutin	<ul style="list-style-type: none"> • Cerun. • Terowong. • Pembangunan di kawasan tanah gambut.
Kerja Forensik	Laporan Geologi Forensik	<ul style="list-style-type: none"> • Kegagalan dan langkah pembedulan/mitigasi.

15. Kategori Kerumitan Bentuk Muka Bumi dan Keadaan Tanah

Klasifikasi kerumitan rupa bumi dan keadaan tanah berikut akan diterima pakai dalam menentukan keadaan tanah umum tapak projek.

Jadual 15-1 : Kategori kerumitan muka bumi dan keadaan pesekitaran

Kategori Kerumitan Bentuk Muka Bumi dan Keadaan Tanah	Keterangan
A. Kawasan rata dan beralun	Kurang daripada 5 darjah cerun atau perbezaan ketinggian tidak melebihi 20 meter.
B. Rupa Bumi Sederhana	Antara 5 darjah hingga 25 darjah cerun atau perbezaan ketinggian lebih daripada 20 meter.
C. Rupa Bumi yang sukar	Lebih daripada 25 darjah cerun atau perbezaan ketinggian lebih daripada 20 meter.
D. Rupa Bumi melampau	<p>Lebih daripada 25 darjah cerun atau perbezaan ketinggian lebih daripada 20 meter terdiri daripada salah satu ciri-ciri berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Kawasan geologi rumit (cth.: pergerakan massa dll.) Kawasan paya. Kawasan gambut. Tanah lembut. Kawasan batu kapur/bongkah batu Kawasan Neotektonik Kawasan sensitif antropogenik, cth.: empangan, terowong, kediaman dll. Kawasan bekas lombong. Kawasan bekas tapak pelupusan. Hutan tebal.
*Sempadan/keluasan kategori kerumitan dan/atau kombinasi kategori kerumitan mukabumi di atas perlu di persetujui bersama klien	

16. Persediaan Kerja

Kadar kerja untuk persediaan kerja adalah untuk satu pasukan. Satu pasukan ditakrifkan sebagai terdiri dari:

1x Ahli Geologi Profesional dan pembantu lapangan 2x (sama ada Ahli Geologi Siswazah atau Pembantu Geologi)

17. Mobilisasi dan Demobilisasi

Kadar kerja untuk mobilisasi dan demobilisasi setiap satu pasukan adalah seperti berikut:

Jadual 17-1 : Kadar kos pergerakan ke tapak kerja berdasarkan jarak

Jarak antara Tapak Kerja dan Ibu Pejabat	Kos
100 kilometer atau kurang	RM2,500.00
Lebih daripada 100 kilometer tetapi tidak melebihi 250 kilometer	RM5,000.00
Melebihi 250 kilometer	RM7,500.00

Mobilisasi pasukan Pemetaan Geologi dengan cara pengangkutan berikut perlu dibayar balik pada kadar kos.

- i. Sewa helikopter atau pesawat dan anak kapal.
- ii. Sewa bot pemandu/pembantu.
- iii. Sewa kenderaan bermotor tambahan dan pemandu dalam keadaan yang luar biasa.
- iv. Tambang kapal terbang.

Caj untuk pelepasan tapak bagi sebarang halangan untuk perkhidmatan pemetaan hendaklah atas dasar pembayaran balik.

18. Pemetaan Geologi di Kawasan Keselamatan

Kos perkhidmatan pemetaan di Kawasan Keselamatan hendaklah:

- i. Jika pas keselamatan atau permit perlu diperolehi daripada pihak berkuasa, caj tambahan yang dikenakan jika ada perlu dibayar balik;
- ii. Di mana pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja ditentukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, dan bayaran tambahan jika perlu perlu dibayar balik pada kos dikenakan; dan

- iii. Apabila terdapat masa menunggu selepas mobilisasi, caj tambahan pada RM1,000.00 setiap pasukan kerja akan dikenakan.
- iv. Kos bagi bantuan perubatan dan insurans sekiranya berlaku kemalangan sewaktu menjalankan tugas di kawasan berbahaya.

19. Pemetaan Geologi di Kawasan Sukar Dimasuki

Bila tapak perkhidmatan pemetaan geologi berada jauh dari jalan bermotor, caj berikut dikenakan:

Jadual 19-1 : Kadar kos pergerakan ke tapak kerja berdasarkan jarak dari jalan/laluan sedia ada

Jarak Ke Tapak Kerja dari Jalan Bermotor	Caj Tambahan
0 kilometer to 2 kilometer	Tiada caj tambahan
Lebih dari 2 kilometer	20% dari jumlah caj

20. Bayaran Balik

Bayaran balik untuk perbelanjaan yang ditanggung sendiri adalah seperti berikut:

- i. Perbelanjaan sebenar yang ditanggung dalam pembelian dokumen, pelan, peta, rekod yang berkaitan dan dan lain lain.
- ii. Perbelanjaan sebenar yang ditanggung dalam pembelian insurans yang berkaitan, pas/latihan keselamatan yang diperlukan oleh kontrak atau skop kerja dan lain lain yang berkaitan.
- iii. Perbelanjaan sebenar yang ditanggung untuk kos komunikasi termasuk kurier (telegram, faksimili, teleks, panggilan telefon dan lain lain).
- iv. Sewaan atau pembelian peralatan dan pakej perisian khas seperti yang dipersetujui dengan klien.
- v. Perbelanjaan lain seperti keperluan ujian lapangan dan ujian makmal.
- vi. Perbelanjaan yang ditanggung dalam perjalanan, penginapan dan elaun sara hidup adalah seperti berikut:

Jadual 20-1 : Tuntutan elaun/kos perjalanan

Mod Perjalanan	Kadar
Kapal terbang/Bot/Feri	Kadar sebenar – kelas ekonomi
Perbatuan	500 km pertama - RM0.85 sen bg setiap km. 501 km berikutnya - RM0.75 sen bg setiap km.
Hotel	Kadar Sehari (bilik standard/seorang)
Perbelanjaan berkaitan perjalanan	Kadar sebenar untuk teksi, kereta api, tol, parkir (visa)
Elaun Sara Hidup	RM85.00 ke RM150 sehari

- vii. Perbelanjaan yang ditanggung dalam penggunaan pengangkutan khas seperti helikopter, bot dan lain lain seperti yang dipersetujui dengan klien.
- viii. Perbelanjaan untuk mencetak laporan, peta (Mengikut paiwai Jadual Kadar Kementerian Kewangan).
- ix. Perbelanjaan permohonan permit kerja untuk Sabah dan Sarawak.

21. Faktor Kadar Kerja

